eLib

DISEMBER 2025 | ISU 18

e-Buletin Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah

HELLO 2026!











eISSN 2805-5020

eLib

DISEMBER 2025 | ISU 18

Kandungan

- **Sorotan Peristiwa**
  - Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ASFA Kali Pertama 2025: Strategi Kemampanan Sumber Ilmu Akuatik Global 1
  - PSNZ *Open Day* 2025: Tradisi diteruskan 2
- **Laporan Aktiviti/Program**
  - Lestari *Outdoor* PSNZ 2025: Santai, Sihat dan Penuh Kebersamaan 5
  - Minggu Bersama Perpustakaan (MBP) 2025 : Jom Kenal PSNZ 6
  - AIPN 2025 : PSNZ Menyinar 7
  - *UMT Citizen Science 1.0 – Intertidal Zone :*Tingkatkan Kesedaran Kepentingan Ekosistem Zon Pasang Surut 8
  - Sembang Ilmu Siri 2/2025: "*Scamme*r, Jangan Mudah Terpedaya" 10
  - Podcast Borak Buku : "*The Magic of Thinking Big*" 11
  - *Open Science Talk Series 4 : Reseach Data Ecosystem* 12
  - Kolaborasi Perkasa PSS: PSNZ UMT dan PWB UniSZA Bimbing Pusat Sumber Kolej Vokasional Wakaf Tembesu 14
  - *Podcast Borak Buku : "Surat Cinta Dari Tuhan"* 16
  - PSNZ Prihatin : Lawatan ke SK dan SMK Menerong 17
  - *Guide To Getting Published Workshop: Integrating Ai Tools For Effective Academic Writing* 18
  - Sembang Ilmu Siri 3/2025: "Cabaran Pengurusan Kewangan Masa Kini: Realiti & Solusi" 19
  - *Open Science Talk Series 5* : Strategi Pengurusan Data Penyelidikan 20
  - *Podcast Borak Buku : "The Diary of a CEO"* 21
  - Sembang Ilmu Siri 4/2025: "Wanita & Wang : Strategi Bina Ketenangan Hidup" 22
  - Lawatan@PSNZ September-Disember 2025 23
  - Lawatan Maker Room@PSNZ Januari - Disember 2025 24
  - Aktiviti/Program sepanjang September-Disember 2025 25
- **Makluman** 30
- **Mutiara Kata** 35

Hakcipta Terpelihara © 2025 - Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah.
Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian data, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buletin ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, duplikasi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, Universiti Malaysia Terengganu, Malaysia.

eLib

DISEMBER 2025 | ISU 18

e-Buletin Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah

Sidang Editorial

PENASIHAT
TUAN HAJI ABU HASSAN GHAZALI

PENGERUSI
EN. MOHD SHAHRULNIZAM ZURAIMI

AHLI JAWATANKUASA PERNERBITAN PSNZ
EN. AHMAD ABDUL RAHIM ALIAS
PN. FATIMAH SALIM
PN. HARISOM ANIDA MUSA
PN. RABIATUL ADDAWIYAH HANIM MOHD ROSLI

EDITOR
PN. WAN NAJIHAH WAN MUHAMMAD

JURUFOTO
EN. HASDAN IRWAN MUDA
EN. MUHAMMAD UZAINI ABDULLAH HAZAM

eISSN 2805-5020

Disediakan oleh :
Wan Najihah binti Wan Muhammad
Pustakawan
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Korporat

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ASFA Kali Pertama 2025:
Strategi Kemampanan Sumber Ilmu Akuatik Global



Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu *Aquatic Sciences and Fisheries Abstracts* (ASFA) kali pertama bagi tahun 2025 telah diadakan secara dalam talian melalui aplikasi *Zoom* bermula 27 Oktober hingga 30 Oktober 2025. Mesyuarat ini telah menghimpunkan wakil daripada pelbagai institusi rakan ASFA di seluruh dunia, termasuk organisasi penyelidikan, perpustakaan, dan agensi kerajaan yang terlibat dalam bidang sains akuatik dan perikanan.

Penganjuran mesyuarat ini bertujuan untuk membincangkan pelan strategik, hala tuju, dan inisiatif utama ASFA dalam memperkukuh akses kepada maklumat saintifik berkaitan sumber akuatik global. Ia juga menjadi platform penting bagi ahli jawatankuasa untuk menilai semula keberkesanan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun sebelumnya serta merangka agenda dan keutamaan bagi tempoh akan datang.

Sepanjang empat hari mesyuarat berlangsung, pelbagai sesi perbincangan telah diadakan meliputi aspek teknologi maklumat, kolaborasi antara institusi, pembangunan kapasiti, dan penambahbaikan sistem pengurusan data ASFA. Antara fokus utama yang dibincangkan termasuk pelaksanaan *OpenASFA* — satu inisiatif ke arah menjadikan pangkalan data ASFA lebih terbuka, mudah diakses, dan inklusif kepada komuniti penyelidik di seluruh dunia.

Penyertaan Malaysia dalam mesyuarat ini melalui Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sebagai salah satu *ASFA National Partner,* mencerminkan komitmen negara dalam menyumbang kepada perkongsian ilmu dan pembangunan repositori maklumat global dalam bidang sains akuatik. Kehadiran wakil PSNZ juga memberi peluang untuk mengetengahkan peranan institusi perpustakaan akademik dalam memperkukuh ekosistem ilmu dan inovasi di peringkat antarabangsa.

Secara keseluruhannya, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ASFA Kali Pertama 2025 bukan sahaja memperkukuh kerjasama strategik antara ahli ASFA, tetapi turut menegaskan kepentingan penyelidikan, perkongsian data, dan keterbukaan akses maklumat dalam memastikan kemampanan sumber akuatik global.

Disediakan oleh :
Harisom Anida Musa
Timbalan Ketua Pustakawan Kanan
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Maklumat

PSNZ *Open Day* 2025: Tradisi diteruskan



Perpustakaan merupakan nadi kepada mana-mana institusi pengajian tinggi. Dalam usaha memastikan nadi ini terus berdegup selari dengan arus pemodenan dan keperluan akademik, Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah berjaya menganjurkan *PSNZ Open Day 2025*. Berlangsung selama 3 hari bermula 30 November hingga 2 Disember 2025, penganjuran tahun ini bukan sahaja mencatatkan jumlah kehadiran pengunjung yang membanggakan, malah menjadi platform strategik dalam mempromosikan perkhidmatan perpustakaan secara holistik kepada seluruh warga kampus, khususnya staf akademik dan penyelidik.

Fokus utama penganjuran kali ini adalah untuk memastikan setiap warga UMT, daripada mahasiswa sehinggalah ke barisan profesor, menyedari dan memaksimumkan penggunaan fasiliti yang disediakan.

Bagi staf akademik dan kumpulan penyelidik, *Online Database Training* dan *Bengkel Guide to Getting Published* menjadi antara pengisian paling bernilai. Sesi ini direka khusus untuk membantu warga kerja meneroka akses kepada jurnal berimpak tinggi, sumber maklumat dalam pangkalan data langganan UMT yang meliputi bidang sokongan penyelidikan.

"Kejayaan *PSNZ Open Day 2025* adalah cerminan komitmen jabatan kita dalam menyokong teras utama UMT iaitu kecemerlangan akademik dan penyelidikan berimpak tinggi. Kita mahu PSNZ terus menjadi rakan strategik kepada semua pusat tanggungjawab (PTj)."
– Haji Abu Hassan Ghazali, Ketua Pustakawan PSNZ.

Disediakan oleh :
Harisom Anida Musa
Timbalan Ketua Pustakawan Kanan
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Maklumat

Kejayaan acara berskala besar ini tidak akan tertunas tanpa perancangan rapi dan dedikasi luar biasa daripada seluruh warga kerja PSNZ. Dari peringkat perancangan jawatankuasa, logistik, promosi, sehinggalah ke pengurusan acara pada hari kejadian, komitmen yang ditunjukkan mencerminkan nilai kerja berpasukan yang utuh. Penghargaan khusus wajar diberikan kepada staf di Kaunter Sirkulasi yang mengendalikan inisiatif Diskaun denda 50%. Usaha pemutihan ini bukan sahaja berjaya mendapatkan semula aset buku universiti yang lewat dipulangkan, tetapi juga mengemaskini rekod peminjam dengan lebih efisien, sekaligus membantu mencapai Indeks Petunjuk Prestasi (KPI) jabatan.

Selain memfokuskan kepada perkhidmatan teras, *PSNZ Open Day* 2025 turut diserikan dengan aktiviti yang merapatkan ukhuwah warga UMT, antaranya:

- *Pameran Buku & Jualan Vendor*: Membuka peluang kepada staf dan pelajar UMT untuk mendapatkan bahan rujukan, alat tulis, dan buku fiksyen dengan potongan harga istimewa korporat serta jualan vendor makanan dan barangan.
- *Resensi Buku*: Menampilkan staf akademik tempatan yang berkongsi penulisan serta penerbitan mereka, menyuntik budaya perkongsian intelektual dalam kalangan warga UMT dan komuniti setempat.
- *Aktiviti Interaktif*: Penglibatan warga kerja dalam *e-sport tournament*, kuiz dan cabutan bertuah.

Aktiviti yang melibatkan komuniti setempat juga tidak dilupakan dengan pelaksanaan *Program Trash to Cash*. Menerusi inisiatif kitar semula ini, warga komuniti dan warga kampus boleh menghantar barangan kitar semula ke reruai pengumpulan khas bagi mendapatkan wang tunai. Program ini merupakan serampang dua mata dalam menyokong matlamat pembangunan mampan (SDG) universiti sambil mendidik amalan menjaga alam sekitar. Selain itu juga, kemeriahan acara turut dirasai dengan penganjuran pertandingan mewarna yang melibatkan penyertaan kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun dari tadika sekitar Kuala Nerus. Aktiviti ini bukan sahaja menceriakan suasana, malah memupuk minat dan mendekatkan institusi perpustakaan dengan komuniti seawal usia pra-sekolah.

Penganjuran *PSNZ Open Day 2025* telah meletakkan penanda aras yang baharu dalam penganjuran program jabatan. Tahniah diucapkan kepada seluruh jawatankuasa pelaksana dan warga kerja PSNZ atas usaha keras yang dicurahkan. Semoga sinergi dan momentum positif ini terus dipacu pada masa hadapan, memastikan PSNZ kekal relevan sebagai pusat sumber maklumat yang unggul, dinamik, dan sentiasa bersedia mendepani cabaran pendidikan tinggi masa hadapan.

Disediakan oleh :
Harisom Anida Musa
Timbalan Ketua Pustakawan Kanan
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Maklumat

Sekitar PSNZ *Open Day* 2025























Disediakan oleh :
Noor Mahadi Abdul Ghani
Penolong Pegawai Tadbir Kanan
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Korporat

Lestari *Outdoor* PSNZ 2025:
Santai, Sihat dan Penuh Kebersamaan

Program Lestari Outdoor PSNZ telah berjaya dilaksanakan pada 1 Oktober 2025 dengan penglibatan aktif warga Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ). Program ini dianjurkan sebagai salah satu inisiatif dalam memupuk gaya hidup sihat, di samping mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan warga kerja.

Pelaksanaan program ini memberi fokus kepada aktiviti luar yang santai namun bermanfaat seperti riadah ringan, aktiviti berkumpulan serta pengisian berbentuk rekreasi yang mampu meningkatkan kecergasan fizikal dan kesejahteraan mental. Program dimulakan dengan aktiviti senaman ringan dan *brisk walk* di kawasan taman tasik Stadium Tertutup Gong Badak. Aktiviti kemudian diteruskan dengan menaiki bot menyelurusi sungai Terengganu sebelum peserta mendaki Bukit Puteri. Suasana program yang santai dan ceria telah memberi peluang kepada warga PSNZ untuk berinteraksi dalam persekitaran yang berbeza daripada rutin kerja harian.

Selain itu, program ini turut berperanan sebagai medium untuk memperkukuh semangat berpasukan dan kerjasama dalam kalangan staf. Melalui penglibatan dalam aktiviti secara berkumpulan, peserta dapat membina komunikasi yang lebih baik serta meningkatkan semangat kebersamaan dan saling menyokong antara satu sama lain.

Secara keseluruhannya, Lestari Outdoor PSNZ telah mencapai objektif penganjurannya dalam menggalakkan amalan gaya hidup sihat serta mewujudkan suasana kerja yang lebih positif dan harmoni. Diharapkan program seumpama ini akan terus dilaksanakan pada masa akan datang bagi menyokong kesejahteraan fizikal, mental dan sosial warga PSNZ.







Disediakan oleh :
Harisom Anida Musa
Timbalan Ketua Pustakawan Kanan
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Maklumat

Minggu Bersama Perpustakaan (MBP) 2025 : Jom Kenal PSNZ

Program Minggu Bersama Perpustakaan 2025 telah berlangsung bermula 5 hingga 15 Oktober 2025 bertempat di Auditorium Sulaiman PSNZ. Program MBP pada kali ini telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan seramai 2,059 orang pelajar baharu daripada pelbagai fakulti di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Program ini bertujuan untuk memperkenalkan peranan Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) serta kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan kepada warga pelajar baharu Sarjana Muda bagi sesi akademik 2025/2026.



Antara objektif utama pelaksanaan program ini adalah untuk:

1. Memperkenalkan perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh PSNZ.
2. Memberi pendedahan kepada pelajar tentang kaedah pencarian maklumat di PSNZ melalui Online Public Access Catalog (OPAC), pangkalan data dan UMT Institutional Repository (UMT-IR).



Sepanjang program berlangsung, para pelajar telah diberikan taklimat berkaitan penggunaan perpustakaan, akses kepada sumber maklumat, serta perkhidmatan sokongan akademik yang ditawarkan oleh PSNZ. Taklimat ini telah disampaikan dengan jayanya oleh Puan Harisom Anida binti Musa, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PSNZ, Cik Sharifah Akmal binti Syed Abd Rahman, Pustakawan Kanan PSNZ, serta Puan Norsollehah binti Ahmad, Pustakawan Kanan PSNZ. Penyampaian yang jelas dan interaktif telah membantu pelajar memahami fungsi perpustakaan dengan lebih baik.



Secara keseluruhannya, program ini diharapkan dapat memberi pendedahan awal kepada pelajar dalam memanfaatkan kemudahan dan perkhidmatan PSNZ secara optimum sepanjang tempoh pengajian mereka. Semoga segala perkongsian yang telah disampaikan dapat memudahkan urusan pembelajaran dan pencarian maklumat dalam kalangan pelajar.

Disediakan oleh :
Syed Mohamad Helmy Md Akhir
Pustakawan Kanan
Bahagian Pengurusan Digital dan Kualiti

AIPN 2025 : PSNZ Menyinar





Karnival Inovasi @UMT ialah acara tahunan penting di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) yang mempromosikan budaya inovasi dalam pengajaran, penyelidikan, dan pengurusan. Ia sering menampilkan pertandingan seperti Amalan Inovasi Pengajaran & Pembelajaran (AIPP), Penyelidikan (AIPY), dan Pengurusan (AIPN). Acara ini memacu penyelesaian lestari, sering diadakan melalui platform maya. Karnival ini bertujuan memupuk budaya inovasi dan kreativiti dalam kalangan warga universiti serta mengetengahkan idea-idea baharu yang mampu meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan penyampaian organisasi. Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) sekali lagi mencatat kejayaan membanggakan apabila berjaya meraih pingat emas dan perak dalam Karnival Inovasi@UMT 2025 yang telah berlangsung dengan penyertaan daripada pelbagai jabatan dan pusat tanggungjawab.

Dalam pertandingan tersebut, PSNZ telah mempertaruhkan dua projek inovasi yang memberi fokus kepada penambahbaikan perkhidmatan perpustakaan serta pengalaman pengguna yang lebih interaktif dan efisien. Hasil usaha berpasukan, komitmen tinggi serta pemikiran kreatif warga PSNZ telah membuahkan hasil apabila salah satu projek berjaya meraih pingat emas, manakala satu lagi projek dianugerahkan pingat perak oleh panel juri profesional.

Kejayaan ini mencerminkan dedikasi dan kecemerlangan berterusan warga PSNZ dalam memperkasakan budaya inovasi selaras dengan aspirasi universiti. Ia juga menjadi pemangkin untuk terus menghasilkan idea-idea baharu yang berimpak tinggi kepada komuniti kampus dan masyarakat. Pihak pengurusan PSNZ merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat serta berharap pencapaian ini akan terus menyuntik semangat untuk mencapai kejayaan yang lebih gemilang pada masa hadapan.

Disediakan oleh :
Wardah Nazihah Othman
Pustakawan Kanan
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Maklumat

UMT Citizen Science 1.0 – Intertidal Zone

Tingkatkan Kesedaran Kepentingan Ekosistem Zon Pasang Surut



Program *UMT Citizen Science 1.0: Intertidal Zone of Universiti Malaysia Terengganu* telah berjaya dilaksanakan pada 18 Oktober 2025 (Sabtu), bermula jam 8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari. Program ini dianjurkan oleh Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ), Universiti Malaysia Terengganu dengan kerjasama Jawatankuasa *Open Science* UMT serta PASTEM. Program ini telah berlangsung di Auditorium Institut Oseanografi dan Sekitaran (INOS) serta kawasan pantai belakang UMT dengan penyertaan seramai 25 orang pelajar daripada Pusat Asasi STEM dan komuniti luar.

Penganjuran program ini bertujuan untuk memperkenalkan konsep 'warga sains' (*citizen science*) kepada peserta melalui penglibatan secara langsung dalam aktiviti pengumpulan data biodiversiti marin di kawasan zon *intertidal*. Peserta telah didedahkan kepada kaedah pemerhatian dan dokumentasi spesies marin menggunakan platform digital iNaturalist, yang membolehkan data yang dikumpul disumbangkan kepada komuniti saintifik global. Di samping itu, program ini turut menekankan kepentingan pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem pantai sebagai khazanah semula jadi yang perlu dipelihara secara berterusan, serta meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan ekosistem zon antara pasang surut.

Sepanjang program berlangsung, para peserta telah mengikuti sesi taklimat di Auditorium INOS sebelum menjalankan aktiviti lapangan di kawasan pantai. Peserta didedahkan dengan pengenalan kepada biodiversiti marin yang terdapat di kawasan intertidal seperti moluska, krustasea dan alga. Antara pengisian utama program termasuk sesi perkongsian ilmu oleh pakar, eksplorasi lapangan, pengumpulan data spesies serta pendedahan kepada kaedah asas pemantauan ekosistem. Peserta juga berpeluang mempelajari teknik mengenal pasti spesies dan merekod data secara sistematik, sekaligus menyumbang kepada pangkalan data penyelidikan universiti.

Melalui pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*), program ini bukan sahaja memberi pendedahan ilmu pengetahuan secara langsung, malah berjaya memupuk sikap prihatin terhadap pemeliharaan alam sekitar marin dalam kalangan peserta. Aktiviti *hands-on* yang dijalankan turut meningkatkan kefahaman peserta terhadap kepelbagaian biologi marin serta peranan penting zon *intertidal* dalam mengekalkan keseimbangan ekosistem.

Secara keseluruhannya, program ini berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan serta memberi impak positif dalam memperkukuh hubungan antara universiti dan komuniti melalui penglibatan aktif dalam bidang sains dan pemuliharaan alam sekitar. Program ini juga dilihat berpotensi untuk diteruskan pada masa hadapan sebagai platform pendidikan dan kesedaran awam yang berterusan dalam bidang sains warga.

Disediakan oleh :
Wardah Nazihah Othman
Pustakawan Kanan
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Maklumat

Sekitar

Program *UMT Citizen Science 1.0 : Intertidal Zone*

















Disediakan oleh :
Wan Najihah binti Wan Muhammad
Pustakawan
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Korporat

Sembang Ilmu Siri 2/2025:
"Scammer, Jangan Mudah Terpedaya"

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ), Universiti Malaysia Terengganu dengan kerjasama AZKA-PPZ MAIWP telah menganjurkan program bual bicara Sembang Ilmu bertajuk "Scammer: Jangan Mudah Terpedaya!" sebagai satu inisiatif meningkatkan kesedaran dalam kalangan warga kampus dan komuniti sekitar terhadap ancaman penipuan dalam talian yang semakin membimbangkan. Program ini menampilkan ASP Noorshahiram binti Adam daripada Bahagian Siasatan Jenayah Komersil, IPD Kuala Terengganu sebagai panel jemputan, manakala sesi dikendalikan oleh Puan Wan Najihah binti Wan Muhammad, pustakawan PSNZ selaku moderator dan telah disertai oleh 378 penonton secara bersemuka mahupun secara langsung melalui Facebook rasmi PSNZ.

Sepanjang program berlangsung, peserta telah didedahkan kepada pelbagai jenis penipuan yang sering berlaku seperti love scam, scam pelaburan dan Macau scam, termasuk taktik serta modus operandi yang digunakan oleh sindiket untuk memperdaya mangsa. Perkongsian oleh panel turut disokong dengan statistik kes semasa yang menunjukkan peningkatan kes jenayah siber di Malaysia. Selain itu, penekanan turut diberikan kepada langkah-langkah pencegahan yang boleh diambil oleh orang ramai bagi mengelakkan diri daripada menjadi mangsa penipuan.

Program ini juga disiarkan dalam bentuk podcast yang memberi peluang kepada pendengar untuk memahami dengan lebih mendalam tentang taktik scammer yang semakin canggih dalam era digital. Panel jemputan berkongsi contoh kes sebenar serta bagaimana penjenayah siber memanipulasi emosi mangsa melalui panggilan telefon, media sosial dan pautan berbahaya bagi mendapatkan maklumat peribadi dan kewangan.

Perbincangan turut menekankan kepentingan mengenal pasti tanda-tanda awal penipuan seperti permintaan maklumat perbankan, tawaran pekerjaan yang terlalu lumayan, serta arahan mendesak untuk membuat pembayaran segera. Peserta dan pendengar turut digalakkan supaya sentiasa berhati-hati dalam berkongsi maklumat peribadi di atas talian serta segera membuat laporan kepada pihak berkuasa sekiranya menjadi mangsa.





Secara keseluruhannya, program ini berjaya menarik penyertaan aktif dalam kalangan warga UMT yang turut berkongsi pengalaman dan mengemukakan pelbagai soalan sepanjang sesi berlangsung. Penganjuran program seperti ini diharapkan dapat meningkatkan literasi keselamatan digital serta membentuk komuniti kampus yang lebih peka, bijak dan berwaspada terhadap ancaman jenayah siber. Program diakhiri dengan pesanan penting agar masyarakat sentiasa membuat pengesahan sebelum mempercayai sesuatu maklumat, kerana kesedaran dan tindakan yang bijak merupakan benteng utama dalam mengelakkan diri daripada terjerumus dalam penipuan kewangan.

Disediakan oleh :
Wan Najihah binti Wan Muhammad
Pustakawan
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Korporat

Podcast Borak Buku :
"The Magic of Thinking Big"



Program Podcast Borak Buku merupakan satu inisiatif santai yang diketengahkan oleh PSNZ bagi memperkenalkan buku-buku pilihan kepada warga universiti dan masyarakat umum. Program ini bertujuan menarik minat pembaca untuk mengenali bahan bacaan yang ringkas, mudah difahami serta memberi impak positif kepada pembangunan diri. Melalui pendekatan perbincangan santai, peserta didedahkan kepada idea-idea utama buku serta galakan untuk menjadikan pembacaan sebagai amalan berterusan.

Bagi siri kali ini, buku *The Magic of Thinking Big* karya David J. Schwartz telah dipilih dan dikupas oleh Puan Harisom Anida Musa, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan pada 5 November yang lalu. Buku ini mengetengahkan konsep pemikiran besar sebagai asas utama dalam mencapai kejayaan dan mengembangkan potensi diri. Perkongsian yang disampaikan memberi penekanan kepada kepentingan mengatasi halangan mental, membina keyakinan diri, serta mengamalkan pemikiran positif dalam kehidupan seharian.

Selain itu, program ini turut menekankan kepentingan menetapkan matlamat yang jelas dan berani sebagai langkah ke arah kejayaan. Peserta juga didedahkan kepada strategi praktikal yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan dan kerjaya, selaras dengan prinsip yang diketengahkan dalam buku tersebut. Secara keseluruhannya, program ini bukan sahaja berjaya memupuk budaya membaca dalam kalangan peserta, malah turut menggalakkan perbincangan ilmiah serta memberi inspirasi kepada peserta untuk mengaplikasikan ilmu yang diperoleh dalam kehidupan mereka.

Di samping itu, program ini juga berfungsi sebagai platform interaktif yang membuka ruang kepada peserta untuk berkongsi pandangan, pengalaman serta refleksi peribadi berkaitan topik yang dibincangkan. Sesi soal jawab yang berlangsung turut memperkaya lagi pemahaman peserta terhadap isi kandungan buku, sekali gus mewujudkan suasana pembelajaran dua hala yang lebih dinamik dan bermakna. Pendekatan ini secara tidak langsung meningkatkan keterlibatan peserta serta menjadikan program lebih menarik dan berimpak.

Disediakan oleh :
Wardah Nazihah Othman
Pustakawan Kanan
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Maklumat

Open Science Talk Series 4 :
Research Data Ecosystem



Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melalui Jawatankuasa Penggerak Kapasiti dan Kesedaran, Sains Terbuka UMT telah berjaya menganjurkan Program Open Science Talk Series 2025 yang bertajuk "*Research Data Ecosystem*" pada 9 November 2025 (Ahad), jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari bertempat di Bilik Eduroom, PSNZ, UMT.

Program ini telah disampaikan oleh Profesor Dr. Liew Chee Sun dari Sunway University, yang merupakan pakar dalam bidang pengurusan data penyelidikan dan ekosistem sains terbuka. Program ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan daripada warga UMT serta komuniti luar yang terdiri daripada penyelidik, pensyarah, pelajar pascasiswazah dan pengamal maklumat.

Sepanjang sesi berlangsung, penceramah telah berkongsi secara komprehensif mengenai konsep ekosistem data penyelidikan (*Research Data Ecosystem*) yang merangkumi pengumpulan, penyimpanan, pengurusan, perkongsian dan penggunaan semula data penyelidikan secara beretika dan sistematik. Turut diketengahkan adalah kepentingan amalan sains terbuka serta pematuhan kepada prinsip FAIR (*Findable, Accessible, Interoperable, Reusable*) dalam meningkatkan kebolehcapaian, ketelusan serta impak penyelidikan di peringkat global.

Selain itu, peserta juga didedahkan kepada amalan terbaik dalam pengurusan data penyelidikan termasuk penggunaan repositori data, pematuhan kepada polisi dan piawaian antarabangsa serta peranan institusi dalam menyokong pelaksanaan sains terbuka. Sesi soal jawab yang interaktif turut memberi peluang kepada peserta untuk mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan cabaran dan pelaksanaan sebenar dalam konteks institusi masing-masing.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mencapai objektifnya dalam meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai kepentingan pengurusan data penyelidikan serta amalan sains terbuka dalam kalangan peserta. Diharapkan penganjuran program seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan bagi memperkukuhkan budaya penyelidikan yang lebih telus, kolaboratif dan berimpak tinggi di UMT dan seterusnya di peringkat global.

Disediakan oleh :
Wardah Nazihah Othman
Pustakawan Kanan
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Maklumat

Sekitar Program Open Science Talk Series : Research Data Ecosystem













Disediakan oleh :
Wan Najihah binti Wan Muhammad
Pustakawan
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Korporat

Kolaborasi Perkasa PSS: PSNZ UMT dan PWB UniSZA Bimbing Pusat Sumber Kolej Vokasional Wakaf Tembesu

Kursus Pengurusan Pusat Sumber Kolej Vokasional Wakaf Tembesu telah berjaya dilaksanakan pada 17 November 2025 bertempat di Bilik Multimedia Angsana, Kolej Vokasional Wakaf Tembesu. Program ini merupakan hasil kolaborasi strategik antara Kolej Vokasional Wakaf Tembesu bersama Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Perpustakaan Al-Wathiq Billah (PWB), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Penganjuran program ini bertujuan memperkasakan pengurusan pusat sumber sekolah melalui perkongsian kepakaran, amalan terbaik serta pengalaman antara institusi pendidikan dan perpustakaan akademik.

Program bermula seawal jam 7.45 pagi dengan sesi pendaftaran peserta, diikuti ucapan aluan oleh Pengarah Kolej Vokasional Wakaf Tembesu, Haji Hadi Taufik bin Hussain. Seterusnya, ucapan turut disampaikan oleh Encik Ahmad Abdul Rahim Alias, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PSNZ UMT serta Encik Idris Jamaluddin, Penolong Ketua Pustakawan PWB UniSZA. Slot pertama dimulakan dengan topik Asas Pengkatalogan yang disampaikan oleh Puan Sarawati Sulong, Pustakawan Kanan PSNZ. Slot ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai prinsip asas pengurusan dan penyusunan bahan perpustakaan. Program diteruskan dengan topik Sistem Pengkelasan dan Latihan Pengkatalogan yang memberi peluang kepada peserta untuk memahami serta mempraktikkan teknik pengkelasan bahan secara sistematik. Sesi seterusnya melibatkan latihan amali (hands-on) yang memberi tumpuan kepada proses pengkatalogan bagi mengukuhkan kefahaman peserta melalui perbincangan dan pembetulan secara langsung.

Pada sesi sebelah petang, pihak PWB UniSZA meneruskan kursus dengan topik Proses Penjilidan Ringan. Dalam sesi ini, para peserta didedahkan secara praktikal kepada teknik penjagaan bahan melalui kaedah penjilidan asas. Peserta turut mempelajari kaedah membaiki bahan rosak seperti buku koyak dan longgar, penggunaan peralatan penjilidan yang sesuai serta teknik penyelenggaraan bahan bagi memastikan ketahanan koleksi dalam jangka masa panjang. Selain itu, sesi ini memberi peluang kepada peserta menjalani latihan amali secara langsung, sekali gus meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam mengurus serta memelihara bahan di Pusat Sumber Sekolah secara lebih sistematik dan berkesan.

Program ini turut dibantu oleh fasilitator berpengalaman daripada kedua-dua institusi yang terlibat. Penglibatan mereka telah memastikan kelancaran perjalanan program serta membantu peserta memahami setiap modul yang disampaikan dengan lebih efektif. Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai objektif dalam meningkatkan pengetahuan dan kemahiran peserta berkaitan pengurusan PSS yang sistematik dan efisien. Melalui kolaborasi ini, peserta bukan sahaja memperoleh ilmu baharu, malah berpeluang membina jaringan profesional serta bertukar pandangan dalam usaha memperkasakan peranan pusat sumber sebagai nadi ilmu di institusi pendidikan.

Disediakan oleh :
Wan Najihah binti Wan Muhammad
Pustakawan
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Korporat

Sekitar

Program Kolaborasi Perkasa PSS: PSNZ UMT dan PWB UniSZA Bimbing Pusat Sumber Kolej Vokasional Wakaf Tembesu























Disediakan oleh :
Wan Najihah binti Wan Muhammad
Pustakawan
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Korporat

Podcast Borak Buku :
"Surat Cinta Dari Tuhan"



Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) telah menganjurkan siri ke-4 Podcast Borak Buku bertajuk "Surat Cinta Dari Tuhan" pada 19 November 2025 (Rabu), jam 11.00 pagi hingga 11.30 pagi. Program ini telah dilaksanakan secara siaran langsung menerusi platform Facebook melalui pautan rasmi PSNZ. Penganjuran program ini merupakan salah satu usaha berterusan perpustakaan dalam memupuk budaya membaca serta memperkenalkan bahan bacaan yang bermanfaat kepada warga Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Program kali ini menampilkan Puan Fatimah Salim, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PSNZ, sebagai panel jemputan yang telah mengupas buku Surat Cinta Dari Tuhan karya Ustaz Adnin Roslan. Dalam sesi perkongsian tersebut, beliau menghuraikan inti pati buku yang sarat dengan mesej kerohanian, kasih sayang Ilahi serta refleksi kehidupan yang mendalam. Kupasan yang disampaikan secara santai dan penuh penghayatan telah memberi peluang kepada penonton untuk memahami kandungan buku dengan lebih jelas serta menghayati nilai-nilai yang diketengahkan.

Selain itu, penyampai ini turut memberi penekanan kepada kepentingan mendekatkan diri kepada Tuhan melalui pembacaan dan penghayatan bahan ilmiah berunsur kerohanian. Para penonton juga didedahkan dengan cara mengaplikasikan mesej-mesej positif daripada buku tersebut dalam kehidupan seharian, khususnya dalam menghadapi cabaran dan ujian hidup. Pendekatan ini secara tidak langsung membantu membina kekuatan dalaman serta meningkatkan kesedaran spiritual dalam kalangan peserta.

Secara keseluruhannya, penganjuran Podcast Borak Buku ini telah mencapai objektifnya dalam menyemai minat membaca, memperkaya ilmu pengetahuan serta menggalakkan perbincangan ilmiah dalam suasana santai. Program ini juga berjaya memberi inspirasi kepada warga UMT untuk terus mendekati bahan bacaan yang memberi nilai tambah kepada pembangunan sahsiah dan rohani. Diharapkan inisiatif seperti ini akan terus dilaksanakan pada masa akan datang bagi melahirkan masyarakat yang berilmu dan berbudaya membaca.

Disediakan oleh :
Wan Najihah binti Wan Muhammad
Pustakawan
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Korporat

PSNZ Prihatin :
Lawatan ke SK dan SMK Menerong

Seksyen Korporat dan Perhubungan Luar (SKPL), Bahagian Pentadbrian dan Pengurusan Korporat (BPPK) PSNZ telah mengadakan lawatan ke Sekolah Kebangsaan Menerong dan SMK Menerong sebagai salah satu inisiatif tanggungjawab sosial oleh Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) dalam usaha menyantuni komuniti pendidikan serta memperkukuh hubungan antara institusi pengajian tinggi dan sekolah.

Lawatan ke Pusat Sumber Sekolah di Sekolah Kebangsaan Menerong, Hulu Terengganu telah diadakan pada 27 November 2025 diketuai oleh Encik Mohd Shahrulnizam Zuraimi, Timbalan Ketua Pustakawan selaku Ketua Bahagian, BPPK. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada pelaksanaan Program Kampung Angkat Madani di Kampung Menerong. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mendapatkan maklumat yang komprehensif berkaitan keperluan bahan bacaan, sokongan teknologi maklumat serta keperluan aktiviti literasi bagi tujuan penyusunan dan penambahbaikan program Pusat Sumber Sekolah bagi tahun 2026. Sepanjang lawatan, wakil PSNZ telah mengadakan sesi perbincangan bersama pihak sekolah bagi mengenal pasti keperluan semasa serta cabaran yang dihadapi dalam pengurusan pusat sumber. Selain itu, lawatan ini turut memberi peluang kepada pihak PSNZ untuk menilai kemudahan sedia ada serta mencadangkan penambahbaikan yang bersesuaian dalam meningkatkan fungsi pusat sumber sebagai pusat pembelajaran yang efektif.

Program ini juga melibatkan kunjungan ke Sekolah Menengah Kebangsaan Menerong sebagai kesinambungan usaha memperluas impak inisiatif tanggungjawab sosial kepada komuniti pendidikan setempat. Pendekatan ini membantu memperkukuh jaringan kerjasama antara universiti, sekolah dan komuniti dalam usaha memperkasakan budaya membaca dan pembelajaran sepanjang hayat.

Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai objektif dalam memperkukuh kerjasama strategik antara universiti dan sekolah, di samping menyumbang kepada peningkatan mutu pengurusan dan keberkesanan operasi Pusat Sumber Sekolah secara menyeluruh.









Disediakan oleh :
Noor Afzan Jaafar
Pustakawan
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Maklumat

GUIDE TO GETTING PUBLISHED WORKSHOP: INTEGRATING AI TOOLS FOR EFFECTIVE ACADEMIC WRITING

Program *Guide to Getting Published Workshop: Integrating AI Tools for Effective Academic Writing* telah berjaya dianjurkan pada 1 Disember 2025 (Isnin) secara dalam talian melalui platform Cisco Webex, bermula dari jam 9.00 pagi hingga 1.00 petang. Bengkel ini merupakan sebahagian daripada pengisian program *PSNZ Open Day 2025*, dengan yuran penyertaan sebanyak RM25.00 seorang. Program ini telah disertai oleh pelajar UMT dan warga akademik serta komuniti setempat yang berminat untuk meningkatkan kemahiran penulisan akademik serta memahami penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam penulisan ilmiah.



Bengkel ini dikendalikan oleh fasilitator jemputan, Encik Syaiful Hisyam bin Saleh, Pustakawan dari Perpustakaan Tun Abdul Razak, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan. Sepanjang sesi berlangsung, peserta telah didedahkan kepada potensi, keupayaan serta aplikasi pelbagai alat AI dalam membantu proses penulisan akademik. Perkongsian turut merangkumi cara meningkatkan kemahiran penulisan, produktiviti, serta penggunaan AI secara beretika dan berkesan dalam menghasilkan karya ilmiah berkualiti.

Selain itu, program ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, keberkesanan serta kualiti keseluruhan penulisan akademik dalam kalangan peserta melalui pemanfaatan teknologi AI. Peserta juga diberi kesedaran tentang kepentingan penggunaan AI secara beretika selaras dengan integriti akademik dan standard penulisan ilmiah. Di samping itu, bengkel ini turut menggalakkan penerapan amalan penulisan berasaskan teknologi dalam komuniti akademik universiti. Disamping itu, penceramah telah berkongsi pengalaman serta panduan berguna berkaitan cabaran dan amalan terbaik dalam dunia penerbitan akademik. Perkongsian ini memberi nilai tambah kepada peserta dalam memahami kehendak penerbit serta meningkatkan keyakinan mereka untuk menghasilkan penulisan yang berkualiti dan berimpak tinggi.

Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai objektif yang ditetapkan dengan jayanya. Para peserta menunjukkan penglibatan aktif sepanjang sesi, dan diharapkan ilmu yang diperoleh dapat dimanfaatkan dalam meningkatkan kualiti penulisan serta menyumbang kepada penghasilan penerbitan akademik yang lebih berkualiti pada masa hadapan.

Disediakan oleh :
Wan Najihah binti Wan Muhammad
Pustakawan
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Korporat

Sembang Ilmu Siri 3/2025:
"Cabaran Pengurusan Kewangan Masa Kini: Realiti & Solusi"









Program Sembang Ilmu Siri 3/2025 telah berjaya dianjurkan oleh Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ), UMT pada 4 Disember 2025 (Khamis), bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Program ini telah berlangsung secara hibrid iaitu bertempat di AZKA Corner, PSNZ serta disiarkan secara langsung melalui Facebook rasmi perpustakaan bagi memberi peluang penyertaan yang lebih meluas kepada warga universiti dan masyarakat umum.

Program ini menampilkan penceramah jemputan, Encik Mohd Azizuddin bin Abdullah, Ketua Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) Kuala Terengganu, yang berkongsi kupasan berkaitan cabaran pengurusan kewangan dalam konteks semasa. Sesi ini telah dikendalikan oleh moderator, Puan Wan Najihah binti Wan Muhammad, Pustakawan PSNZ, yang memudahcara perbincangan secara interaktif dan santai dengan penyertaan seramai 613 orang.

Sepanjang program berlangsung, penceramah telah menghuraikan pelbagai isu berkaitan pengurusan kewangan termasuk peningkatan kos sara hidup, beban hutang, serta kesedaran terhadap perancangan kewangan jangka panjang. Selain itu, beliau turut berkongsi solusi praktikal seperti teknik pengurusan bajet, kepentingan simpanan kecemasan, serta peranan AKPK dalam membantu individu mengurus kewangan secara lebih sistematik. Peserta juga berpeluang mengemukakan soalan secara langsung dan mendapatkan pandangan profesional berkaitan situasi kewangan masing-masing.

Secara keseluruhannya, program ini telah mencapai objektif dalam meningkatkan kesedaran dan literasi kewangan dalam kalangan peserta. Penganjuran program sebegini dilihat relevan dan memberi impak positif dalam membantu masyarakat menghadapi cabaran kewangan masa kini dengan lebih bijak dan berhemah.

Disediakan oleh :
Wardah Nazihah Othman
Pustakawan Kanan
Bahagian Perkhidmatan dan Pengurusan Maklumat

Open Science Talk Series 5 : Strategi Pengurusan Data Penyelidikan



Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ), Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah menganjurkan program *Open Science Talk Series* yang ke 5 secara dalam talian melalui platform Cisco Webex pada hari Isnin, 8 Disember 2025 bermula jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Program ini mengetengahkan topik *"From Data to Recognition: Building Institutional Pathways for Open Research Impact"* yang memberi fokus kepada kepentingan amalan sains terbuka dalam meningkatkan impak penyelidikan institusi.

Program ini telah disampaikan oleh penceramah jemputan, Dr. Dasapta Erwin Irawan, Pensyarah Kanan dari Institut Teknologi Bandung, Indonesia. Beliau berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam membangunkan ekosistem penyelidikan terbuka, termasuk strategi pengurusan data penyelidikan, penerbitan akses terbuka serta kaedah meningkatkan keterlihatan dan pengiktirafan hasil penyelidikan di peringkat global.

Sesi ini terbuka kepada penyelidik, pensyarah, pelajar pascasiswazah, warga UMT serta komuniti luar. Sepanjang sesi berlangsung, peserta berpeluang memahami peranan penting institusi dalam menyokong amalan Sains Terbuka (*open science)* melalui dasar, infrastruktur serta latihan yang berterusan. Perbincangan juga menyentuh kepentingan kolaborasi dan perkongsian data dalam mempercepatkan inovasi serta penyelesaian isu sejagat.

Selain itu, penganjuran program ini turut menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu SDG 4: Pendidikan Berkualiti dan SDG 17: Perkongsian untuk Matlamat. Peserta yang hadir juga diberikan jam latihan serta merit MyStar sebagai galakan penyertaan aktif dalam program berimpak tinggi ini.

Secara keseluruhannya, Open Science Talk Series ini berjaya meningkatkan kesedaran dan kefahaman peserta mengenai kepentingan sains terbuka dalam memperkasakan ekosistem penyelidikan.

Disediakan oleh :
Wan Najihah binti Wan Muhammad
Pustakawan
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Korporat

Podcast Borak Buku :
"*The Diary of a CEO*"



Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) telah menganjurkan siri ke-5 Podcast Borak Buku bertajuk "*The Diary of a CEO*" pada 11 Disember 2025 (Khamis). Program ini dilaksanakan secara siaran langsung menerusi platform Facebook melalui pautan rasmi PSNZ. Penganjuran program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif dalam memperluaskan akses kepada bahan bacaan serta menggalakkan budaya ilmu dalam kalangan warga Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Sesi perkongsian telah disampaikan oleh Encik Ahmad Abdul Rahim bin Alias, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan PSNZ, yang mengupas kandungan buku *The Diary of a CEO* karya Steven Bartlett. Kupasan yang disampaikan memberi fokus kepada prinsip kejayaan, kepimpinan, disiplin diri serta pemikiran strategik yang diperlukan dalam dunia kerjaya dan perniagaan. Pendekatan santai yang digunakan oleh panel telah membantu penonton memahami isi kandungan buku dengan lebih jelas dan relevan dengan situasi semasa.

Objektif utama penganjuran podcast ini adalah untuk menyemai minat membaca secara santai dan mesra dengan menjadikan buku sebagai sebahagian daripada perbualan harian melalui pendekatan yang ringan serta mudah diikuti. Selain itu, program ini juga bertujuan menjadikan buku lebih dekat dengan komuniti digital dengan membawa dunia pembacaan ke platform moden agar kekal relevan dengan gaya hidup masa kini. Usaha ini secara tidak langsung membuka ruang kepada lebih ramai individu untuk mendekati bahan bacaan tanpa mengira masa dan tempat.

Di samping itu, perkongsian yang disampaikan turut memberi inspirasi kepada penonton untuk membangunkan potensi diri, meningkatkan keyakinan serta mengamalkan nilai-nilai positif dalam kehidupan seharian. Perbincangan yang berteraskan pengalaman dan panduan praktikal daripada buku ini telah membantu peserta memahami kepentingan mindset yang betul dalam mencapai kejayaan.
Secara keseluruhannya, program Podcast Borak Buku ini telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dalam memupuk budaya membaca, memperluaskan akses ilmu serta menggalakkan perbincangan ilmiah dalam suasana santai. Program ini juga dilihat berupaya menjadi medium efektif dalam menghubungkan buku dengan komuniti digital, seterusnya menyumbang kepada pembentukan masyarakat berilmu dan berdaya saing.

Disediakan oleh :
Wan Najihah binti Wan Muhammad
Pustakawan
Bahagian Pentadbiran dan Pengurusan Korporat









Sembang Ilmu Siri 4/2025: "Wanita & Wang : Strategi Bina Ketenangan Hidup"

Program Sembang Ilmu Siri 4/2025 bertajuk "Wanita & Wang: Strategi Bina Ketenangan Hidup" telah berjaya dilaksanakan pada 17 Disember 2025 (Rabu), dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Program ini berlangsung di AZKA Corner, Aras 1, Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) dan turut disiarkan secara langsung melalui platform Facebook rasmi PSNZ dengan penyertaan seramai 812 orang. Program ini merupakan anjuran Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ) dengan kerjasama AZKA-PPZ MAIWP. Sesi perkongsian telah menampilkan Profesor Madya Dr. Zairihan binti Abdul Halim, Timbalan Dekan (Bakat dan Penyelidikan), Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Terengganu sebagai panel jemputan dan dikendalikan oleh moderator, Puan Norsollehah binti Ahmad, Pustakawan Kanan, PSNZ, UMT.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dan kefahaman dalam kalangan wanita mengenai kepentingan pengurusan kewangan yang bijak sebagai asas kepada ketenangan dan kesejahteraan hidup. Antara fokus utama yang diketengahkan termasuk perancangan kewangan yang sistematik, pengurusan aliran tunai, kawalan perbelanjaan, serta pembinaan simpanan dan perlindungan kewangan yang mampan. Melalui sesi perkongsian yang interaktif, para peserta telah didedahkan kepada pelbagai cabaran kewangan yang lazim dihadapi oleh wanita pada setiap fasa kehidupan. Panel turut berkongsi strategi praktikal dalam mengurus kewangan secara lebih efektif, termasuk membuat keputusan kewangan yang berhemah, mengurus komitmen kewangan dengan baik serta merancang masa depan dengan lebih teratur. Selain itu, program ini juga menekankan kepentingan membina hubungan yang sihat dengan wang bagi mengurangkan tekanan kewangan dalam kehidupan seharian.

Secara keseluruhannya, Program Sembang Ilmu Siri 4/2025 telah berjaya mencapai objektif penganjurannya dan memberi impak positif kepada para peserta. Program ini berperanan sebagai platform pemerkasaan wanita agar lebih celik kewangan, berdikari serta mampu mencapai kestabilan dan ketenangan hidup melalui pengurusan kewangan yang berkesan.

Lawatan @PSNZ
September - Disember







14
permohonan lawatan diterima

6
Agensi & Institusi

8
Sekolah

616
Jumlah Pelawat

Lawatan Maker Room @PSNZ
Januari - Disember 2025





55
permohonan lawatan diterima

22
Agensi & Institusi

11
Sekolah

418
Jumlah Pelawat





Antara aktiviti lain yang berlangsung sepanjang September - Disember





Antara aktiviti lain yang berlangsung sepanjang September - Disember





Antara aktiviti lain yang berlangsung sepanjang September - Disember





Antara aktiviti lain yang berlangsung sepanjang September - Disember





Antara aktiviti lain yang berlangsung sepanjang September - Disember






KELAS PENDIDIKAN PELANGGAN (KPP)
PEPRUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
UMT
#PSNZcare #PSNZhelpyou #connectanddiscover
KAPASITI PESERTA
Fizikal - Minima 5 / Maksima 40
Dalam Talian - Minima 5 / Maksima 100
5 MODUL
LITERASI MAKLUMAT PSNZ
PENGENALAN KEPADA PERPUSTAKAAN
PERKHIDMATAN, KEMUDAHAN & SUMBER MAKLUMAT
1 JAM
LITERASI MAKLUMAT ASAS
PENCARIAN MAKLUMAT MELALUI WEBOPAC, UMT IR, GOOGLE SCHOLAR & SUMBER ELEKTRONIK
2 JAM
STRATEGI PENCARIAN MAKLUMAT LANJUTAN
PENCARIAN MAKLUMAT MELALUI SUMBER ELEKTRONIK, STRATEGI PENCARIAN MAKLUMAT, PENILAIAN & ETIKA PENGGUNAAN MAKLUMAT
2 JAM
ASAS SITASI & BIBLIOGRAFI
GAYA SITASI APA & MENDELEY
1 JAM 30 MINIT
BANTUAN PENYELIDIKAN
TURNITIN, SCOPUS & WEB OF SCIENCE
RESEARCHER ID & PROFILE
1 JAM 2 JAM
JADUAL KELAS
Isnin 2:30pm - 4:30pm
Rabu 10:00am - 12:00pm
MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI :
Sharifah Akmal Syed Abd Rahman
Mazlina Mazlan 09-6684298 / 4185
sh_akmal@umt.edu.my
mazlina@umt.edu.my
KELAS KPP
Tempahan tarikh lain juga boleh dibuat sekurang-kurangnya 3 hari sebelum kelas.
PENDAFTARAN :
Imbas kod QR untuk mendaftar
REGISTER NOW
psnz.umt.edu.my
Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah
officialpsnz
OfficialPSNZ
09-6684185


INFO PSNZ
BILIK MANGROVE
Bermula 1 Oktober 2025, tempoh penggunaan Bilik Mangrove telah dikemaskini.
Maksimum 4 JAM sahaja setiap penggunaan
TUJUAN
Memberi peluang yang lebih adil kepada semua pengguna
Memastikan bilik sentiasa tersedia dan digunakan secara optimum
UMT
MANGROVE
18
OKU
MANGROVE
16
Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah (PSNZ)
Universiti Malaysia Terengganu
psnz.umt.edu.my
Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah
officialpsnz
OfficialPSNZ
perpustakaanumt

Sekalung Tahniah!




KOPIESATU
KOPIESATU
UMT, Terengganu
GRAND
OPENING
Only
17 November 2025
Best Locally Brewed
Coffee
Of The
Day
Discount
20%
Only Beverages
KOPIESATU
KOPIESATU
KOPIESATU


UMT
Selamat Menyambut
HARI NATAL
25 DISEMBER 2025
IKHLAS DARIPADA
WARGA PSNZ
psnz.umt.edu.my
Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah
officialpsnz
perpustakaanumt


UMT
2026
SELAMAT TAHUN BAHARU
Ikhlas daripada: WARGA PSNZ
psnz.umt.edu.my
Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah
officialpsnz
perpustakaanumt



"Jadilah seperti pohon berbuah.
Saat manusia membalingmu dengan batu, kamu membalasnya dengan buah yang ranum"

--HASSAN AL BANA--



SEKSYEN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN LUAR
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN KORPORAT
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU